

Landskap ekonomi, kewangan fokus perbincangan

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Isu berkaitan kestabilan landskap ekonomi dan kewangan global termasuk pendedahan dokumen *Panama Papers* antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Menteri Kewangan Komanwel 2016 di Washington, Amerika Syarikat (AS), semalam.

Pejabat Menteri Kewangan II dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, mesyuarat itu juga membincangkan mengenai keperluan untuk meningkatkan akses negara-negara anggota terhadap persekitaran serta pendekatan baharu bagi membantu menangani perubahan iklim kewangan.

“Menerusi mesyuarat itu, pandangan berkaitan impak terhadap *Brexit* turut dibincangkan khususnya melibatkan

cabaran yang ditimbulkan terhadap ekonomi global,” jelas kenyataan itu.



JOHARI ABDUL GHANI

Pada 6 hingga 9 Oktober lalu, Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani mengetuai delegasi Malaysia menghadiri Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)-Bank Dunia serta Mesyuarat Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Negara di AS.

Menurut kenyataan itu, pada Mesyuarat Tahunan IMF-Bank Dunia, antara perkara dibincangkan membabitkan isu-isu semasa yang memberi kesan kepada ekonomi global, sistem kewangan antarabangsa dan perkembangan agenda pembangunan global termasuk pengurangan kemiskinan.